

Headline	Pilih makanan halal, bersih syarak pastikan amalan berkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	272 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,173
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,520



Pilih makanan halal, bersih syarak pastikan amalan berkat

Oleh Mohd Shukri Hanapi

ALLAH SWT menciptakan sumber alam yang amat luas dan tidak terhad itu adalah bagi tujuan kemudahan dan kegunaan manusia. Meskipun manusia dibenarkan menggunakannya, namun ia tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya.

Sebaliknya manusia mesti mematuhi etika dan peraturan penggunaan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Salah satu daripada etika dan peraturan berkenaan ialah makan makanan daripada sumber halal lagi baik. Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat yang menjelaskan mengenai perkara ini. Antaranya ialah firman Allah SWT yang bermaksud, "*Wahai Rasul, makanlah daripada benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal soleh, sesungguhnya Aku maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.*" (Surah al-Mu'minin ayat 51).

Firman-Nya lagi yang bermaksud, "*Wahai orang beriman, makanlah daripada benda yang baik (yang halal) yang Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadah kepada-Nya.*" (Surah al-Baqarah ayat 172).

Kedua-dua ayat ini kemudiannya dihuraikan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya yang bermaksud, "Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu baik. Dia tidak menerima sesuatu amalan kecuali yang baik juga. Sesungguhnya Allah memerintahkan kepada orang Mukmin seperti yang Dia perintahkan kepada Rasul-Nya.

Seterusnya, Rasulullah SAW menyebut mengenai lelaki yang jauh perjalanannya, rambutnya kusut masai lagi berdebu, dua tangannya menadah ke langit memohon doa: "Wahai Tuhan! Sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram, dibekalkan dengan bahan-bahan haram, maka bagaimana doanya diperkenankan" (Riwayat Muslim dan al-Tirmizi).

Berdasarkan hadis ini jelas bahawa Rasul dan orang Mukmin diperintahkan

supaya makan makanan berkhasiat, suci daripada najis dan diperoleh menerusi sumber halal dan diharuskan syarak.

Memakan makanan halal dan suci mempunyai hubungan erat dengan amalan kebaikan, sebaliknya memakan makanan haram dan kotor tidak mendatangkan keberkatan sekali gus menjauhkan seseorang itu daripada Allah swt.

Berhubung hal ini, Sahl bin 'Abdullah berkata, 'Keselamatan itu terletak pada tiga perkara iaitu makan makanan halal, melaksanakan perkara fardu atau wajib dan mencontohi Nabi SAW'.

Selain itu, Abu 'Abdullah al-Sajiy atau nama sebenarnya Sa'id bin Yazid RA pula berkata, "Kesempurnaan ilmu itu terletak pada lima perkara iaitu mengenali Allah, mengetahui kebenaran, melakukan sesuatu amalan dengan ikhlas kerana Allah, bermal mengikut al-Sunnah dan makan makanan halal. Sekiranya salah satu daripada lima perkara ini gugur, maka sesuatu amalan yang dilakukan itu tidak diangkat atau tidak diterima".

Justeru, penggunaan sumber alam hanya terhad kepada yang baik dan halal saja. Hal ini disebabkan oleh matlamat akhir kehidupan manusia itu adalah untuk mencapai keredaan Allah SWT. Tidak mungkin matlamat ini tercapai jika aspek penggunaan sumber alam ini tidak diambil berat.

Selain ayat 51 Surah al-Mu'minin dan ayat 172 Surah al-Baqarah itu, terdapat dua ayat lain yang memperincikan lagi mengenai perkara ini. Allah SWT berfirman yang bermaksud "*Wahai sekalian*

manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu." (Surah al-Baqarah ayat 168).

Firman-Nya lagi yang bermaksud, "*Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada*

Allah yang kepada-Nya saja kamu beriman." (Surah al-Ma'idah ayat 88).

Menurut al-Qurtubiy dalam *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, perkataan *al-akl* (makan) dalam ayat berkenaan bermaksud memanfaatkan sesuatu daripada segala aspek. Dalam perkataan lain, ia merangkumi makan, minum dan memanfaatkan segala sumber alam yang diciptakan oleh Allah SWT untuk kemudahan dan kegunaan manusia.

Oleh itu, maksud kedua-dua ayat ini ialah Allah SWT memerintahkan umat manusia supaya memilih makanan dan menggunakan segala kemudahan sumber alam halal (halalan) dan baik (tayyiban) daripada rezeki kurnian-Nya.

Al-Tabariy dalam *Jami' al-Bayan fi Takwil al-Qur'an* menjelaskan bahawa halal di sini merujuk kepada sesuatu

yang tidak diharamkan oleh syariat, manakala baik pula merujuk kepada sesuatu yang bukan najis serta tidak memudaratkan badan dan akal manusia.

Meskipun manusia diberi kemudahan menggunakan segala sumber alam yang halal dan baik itu, mereka tetap dikehendaki sentiasa mengabdikan diri kepada Allah SWT. Misalnya, umat manusia ditegah daripada mengikuti segala jejak langkah syaitan (Surah al-Baqarah ayat 168). Khutuwat di sini bermaksud amalan dan langkah syaitan yang penuh dengan kesesatan dan dosa seperti pemborosan dan pembaziran. Ia patut dihindari kerana dapat menjauhkan umat manusia daripada mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Oleh itu, untuk mengabdikan diri kepada Allah swt manusia diperintahkan supaya sentiasa bersyukur (Surah al-Baqarah ayat 172) dan bertakwa (Surah al-Ma'idah ayat 88) kepada Allah SWT di atas segala kurniaan rezeki yang tidak terhad itu.

Penulis ialah Pensyarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM)